

**MEMPERKASA EKONOMI ORANG ASLI TASIK CHINI DALAM  
PEMBANGUNAN WILAYAH ECER  
(STRENGTHENING THE ECONOMY OF NATURAL LAKES REGIONAL DEVELOPMENT  
IN ECER CHINI)**

*HABIBAH AHMAD, HAMZAH JUSOH, MUSHRIFAH IDRIS, ARI KURNIA, ISHAK  
YUSSOF & MUSTAFFA OMAR*

**ABSTRAK**

Pembangunan ECER merupakan salah satu daripada pembangunan wilayah utama di Malaysia, yang bertujuan membangunkan wilayah tersebut dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi, sosial dan persekitaran. Melalui pelbagai strategi untuk memacu pembangunan wilayah yang kaya dengan sumber asli dan tarikan semulajadi, pemeraksanaan ekonomi golongan yang terpinggir terutama golongan masyarakat pribumi atau Orang Asli adalah tidak terkecuali menjadi fokus perancangan dan pembangunan. Salah satu inisiatif ini ialah untuk mempertingkatkan ekonomi Orang Asli Tasik Chini, sebagai salah satu komuniti yang dianggap terpinggir dalam wilayah ECER. Pendekatan ini akan lebih berkesan apabila cadangan, potensi dan peluang itu diambil dan datangnya daripada *stakeholders* yang berperanan langsung dalam pembangunan; iaitu komuniti Orang Asli dan *stakeholders* yang bertanggungjawab membangun kawasan ini. Malahan, sinergi antara *stakeholders* ini harus dicapai sejak dari proses mula merancang sehinggalah kepada inisiatif memperkasakan ekonomi mereka. Pun begitu terdapat pandangan bahawa wujud perbezaan tentang keperluan ekonomi Orang Asli dengan keperluan ekonomi oleh *stakeholders* lain yang membangun wilayah ECER. Apakah tanggapan orang Gulum apabila memperkatakan tentang 'ekonomi Orang Asli'? Berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan pada tahun bulan Ogos 2008 dan juga tahun 2007, kertas kerja ini membincangkan pandangan Orang Asli Tasik Chini tentang kedudukan ekonomi mereka kini, peluang dan cabaran serta alternatif yang diinginkan untuk masa depan mereka. Kertas ini juga mencungkil pandangan bahawa pelan pembangunan ECER yang menempatkan Tasik Chini sebagai salah satu sumber lestari yang boleh menjana ekonomi komuniti sekitarnya belum terasa sepenuhnya oleh Orang Asli Tasik Chini. Situasi ini wujud kerana mereka bertanggungjawab bahawa tasik Chini sebagai 'ibu kehidupan' mereka semakin terancam. Sehubungan itu, kertas ini turut mengemukakan langkah-langkah mengembalikan Tasik Chini sebagai ibu ekonomi Orang Asli, dan sekurang-kurangnya menjadi contoh untuk pembangunan komuniti Orang Asli lain dalam pembangunan wilayah ECER.

*Kata kunci* : ekonomi Orang Asli; pembangunan ekonomi; Wilayah ECER

ECER Development is one of the main regional development in Malaysia, which aims to develop the region in various aspects, including economic, social and environmental. Through a variety of strategies to accelerate regional development with rich natural resources and natural attractions, economic empowerment of marginalized groups, especially the indigenous people or Aborigines are no exception has become the focus of planning and development. One of these initiatives is to improve Aboriginal economic Lake Chini, as one of the communities considered marginalized in the economic corridors. This approach will be more effective when the proposal, the potential and the opportunity was taken, and comes from a direct role of stakeholders in development; the Aboriginal community and the stakeholders responsible for developing this area. In fact, the synergy between the

stakeholders, this should be achieved since the process began to plan until their economic empowerment initiatives. Yet there is that there are different views about the economic needs of Aboriginal economic needs of other stakeholders in developing economic corridors. Is the notion of `Gumum when talking about the Aboriginal econom .Based on field studies carried out in August 2008 and also in 2007, this paper discusses the Aboriginal view of Lake Chini on the economic position they are now, the opportunities and challenges as well as the preferred alternative for the future. This paper also elicited the view that the ECER plan that puts Lake Chini as a sustainable resource that can generate economies of surrounding communities have not been fully felt by Aboriginal Lake Chini. This situation exists because they think that the lake Chini as the "mother of life" they are increasingly threatened. Accordingly, this paper also present the steps to return Lake Chini as Aboriginal economic capital, and at least set an example for other Aboriginal community development of economics corridors.

*Keyword:* Aboriginal economy; economic development; Region ECER

## 1. Pengenalan

Dalam era globalisasi, pembangunan wilayah yang strategik amat relevan sama ada di negara maju mahupun di negara sedang membangun. Pembangunan wilayah di Malaysia dalam era kontemporari berpegang kepada prinsip pengembangan ekonomi, sosial dan persekitaran di sesuatu wilayah itu tidak mengorbankan aset dan sumber semulajadi, sebaliknya sentiasa mendokong inisiatif pemeliharaan dan pemuliharaan sumber-sumber tersebut. Di Malaysia, Wilayah Ekonomi Timur atau ECER merupakan salah satu daripada wilayah pembangunan terancang bagi merangsang pembangunan beberapa negeri yang diguguskan sebagai wilayah tersebut. Ini melibatkan Negeri Kelantan, Pahang dan Trengganu dan Mersing.

Menyedari ECER merupakan satu kawasan yang luas dan kaya dengan kepelbagaian sumber, adalah tidak menghairankan pembangunan yang dirancang itu akan melibatkan kawasan semulajadi dan komuniti yang dianggap sebagai golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan perdana. Dalam hal ini, orang Asli daripada suku kaum Jakun yang mendiami kawasan perkampungan di sekitar Tasik Chini merupakan golongan yang berada dalam situasi ini. Mereka diklasifikasikan sebagai masyarakat yang memerlukan satu reformasi dalam ekonomi, ekoran kebergantungan kepada alam sekitar semata-mata akan mengancam kesejahteraan ekosistem kawasan tersebut. Ini tentunya tidak selari dengan matlamat pembangunan ECER yang berwawasan untuk memajukan kawasan tersebut dengan langkah pemeliharaan dan menjamin kelestarian sumber. Sehubungan itu kertas ini akan meneliti setakat mana perancangan ECER memberi pertimbangan kepada golongan ini.

Melalui penyelidikan yang dilakukan oleh kumpulan sosioekonomi penyelidikan Tasik Chini pada tahun 2007 dan juga penyelidikan semasa Program Kesedaran Awam kedua diadakan pada Ogos 2008, kertas ini cuba meneliti apakah pandangan orang asli di sekitar Tasik Chini tentang masa depan ekonomi mereka? Apakah ancaman Tasik Chini juga bermakna ancaman kepada cara hidup dan pergantungan mereka kepada sumber yang ada di Tasik Chini? Kertas ini ditulis dalam beberapa bahagian iaitu bahagian pertama, membincangkan senario pembangunan Ecer dan kedudukan Tasik Chini, bahagian kedua, meneliti pandangan orang Asli tentang masa depan mereka dalam membangunkan kawasan ini dan kesediaan mereka menjayakan Rizab Biosfera sebagai pendekatan bagi membangunkan Tasik Chini secara lestari, sekali gus memposisikan Tasik Chini dalam pembangunan wilayah ECER.

## 2. Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (Ecer) Dan Tasik Chini

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) merupakan wilayah yang berkeluasan 66,000 km persegi dengan populasi penduduk sebanyak 3.9 juta atau 14% dari keseluruhan penduduk Malaysia. Dalam pembangunan wilayah ECER, pertumbuhan ekonomi menjadi salah satu matlamat utamanya, dan ini tidak mengecualikan industri pelancongan. Visi pembangunan ECER adalah keunikan, kedinamisan dan daya saing. Kawasan Pantai Timur ini berusaha untuk mengetengahkan keunikan budaya, masyarakat dan alam kepada dunia dengan melakukan pembangunan yang cepat serta dinamis. Dengan kata lain, pembangunan dalam sektor terpilih dan kawasan yang strategik wajar meningkatkan sektor ekonomi penduduk di wilayah ini, lebih-lebih lagi golongan yang dianggap terpinggir dan jauh daripada pengaruh kedinamikan ekonomi bandar dan bandaraya utama di negara ini.

Wilayah ini dirasmikan pada 29 Oktober 2007 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi. Pembangunan wilayah ini adalah atas inisiatif kerajaan pusat dan merupakan wilayah pembangunan ketiga selepas Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di Utara Semenanjung Malaysia. ECER melibatkan tiga buah negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan serta daerah Mersing di Johor. Luas kawasan yang terlibat ialah 66,736 kilometer persegi atau 51 peratus daripada keluasan Semenanjung Malaysia. ECER melibatkan 3.9 juta penduduk. Pembangunan ECER ini akan berlangsung selama 12 tahun dari tahun 2007 hingga 2020. Peneraju utamanya ialah Petronas.

Kos pembangunan ECER akan dibiayai oleh Petronas, sebuah perbadanan milik kerajaan Malaysia. Fasa pertama melibatkan kos RM6 bilion. Kos sebenar ialah RM112 bilion. Peruntukan ini disalurkan melalui melalui kajian semula program Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) serta penambahan peruntukan semasa kajian separuh penggal RMK9. 227 projek bernilai RM112 bilion dalam tempoh 12 tahun akan dilaksanakan oleh Petronas dan lain-lain. Bagi melancarkan lagi pembangunan ECER, teras pembangunan wilayah ini dikelaskan mengikut sektor utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, yang merangkumi pelancongan, pertanian, pendidikan, prasarana, perikanan dan pelabuhan.

### 2.1 *Tasik Chini*

Tasik Chini merupakan tasik air tawar yang kedua terbesar di Malaysia, terletak di tenggara negeri Pahang. Tasik Chini dikelilingi 12 tasik yang juga dipanggil laut oleh penduduk setempat. Setiap laut mempunyai nama tersendiri dan keluasan keseluruhan kawasan tasik adalah sekitar 202 hektar. Tasik Chini dikelilingi hutan tropika dan keluasan keseluruhan kawasan hutan dan air tawar semulajadi dianggarkan sekitar 12,000 ekar atau bersamaan 4,975 hektar. Komuniti yang mendiami kawasan sekitar tasik terdiri daripada Orang Asli suku Jakun, meskipun terdapat juga segelintir suku Semelai, orang India dan orang Eropah, hasil daripada perkahwinan penduduk tempatan dengan orang luar.

Tasik Chini juga merupakan sebuah kawasan mergastua yang kaya dengan pelbagai spesies. Menurut kajian terdapat 200 spesis burung dan 240 spesis ikan di sekitar tasik ini. Tasik Chini juga memiliki kekayaan flora dan fauna dan sumber biologi seperti 51 spesis tumbuhan jenis hutan rendah, 15 spesis tumbuhan hutan paya air tawar, 25 spesis tumbuhan akuatik dan 87 spesis ikan air tawar. Tasik Chini terdiri daripada 12 rangkaian tasik yang dipanggil laut oleh penduduk tempatan dan yang terbesar ialah Laut Gumun, Laut Jerangking, Laut Melai dan Laut Jemberau. Kawasan di sekeliling tasik berbukit-bukau dan

menyerupai belakang seekor naga. Terdapat gunung di sini, yang dikenali Gunung Chini dengan ketinggian melebihi 800 meter dan diliputi hutan tebal.

Jadual 1 : Teras Utama Pembangunan ECER

Teras Pembangunan	Ciri-ciri
Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membina kemudahan pusat peranginan dan hotel bertaraf antarabangsa di kawasan pesisir pantai. Bakal menarik kehadiran 7.4 juta pelancong luar negara dan 21.4 juta pelancong tempatan menjelang 2020.</li> <li>• Kuala Terengganu akan menjadi hab aktiviti pinggir pantai, terminal pelayaran, marina, pasaran kraftangan, pusat membeli belah, taman dan beberapa taman negara; Taman Negara Endau-Rompin. Jeti Mersing.</li> <li>• Pulau Tioman bakal menjadi daya tarikan pelancongan negara.</li> <li>• Pengkalan Kubur menjadi pusat pelancongan sempadan dan pusat perdagangan peringkat Asia Tenggara / segitiga pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand.</li> <li>• Kota Baru City Centre (KBCC) di Palekbang berhampiran Kota Baru akan dibangunkan.</li> <li>• Sungai Nenggiri, Sungai Burok, Sungai Jenera, Sungai Pulan serta kawasan sekitarnya akan dimajukan sebagai taman negara.</li> <li>• Projek pembangunan Kuantan Sentral serta Bukit Gambang Resort City bagi negeri Pahang</li> <li>• Industri minyak, gas dan petrokimia.</li> <li>• Industri pembuatan - industri hiliran berasaskan minyak sawit, kayu dan susu getah serta hasil pertanian lain untuk mengeluarkan barangan seperti bahan oleokimia, perabot, sarung tangan dan makanan halal.</li> <li>• Taman Industri Halal di Pasir Mas dibina bagi menjana sektor hiliran.</li> </ul>

Sambungan Jadual 1

Teras Pembangunan	Ciri-ciri
Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hulu Setiu - projek agropolitan seluas 2,000 hektar .</li> <li>• Kuala Berang, Hulu Terengganu - Pusat Penyelidikan dan Pembiakan Kambing Nukleus. Dijangka mengeluarkan 10,000 induk kambing seperti Jamnapari, Boer dan Anglo Nubian yang bermutu tinggi pada 2015. Ketika ini Malaysia mengimport 70,000 ekor kambing dari Australia dan New Zealand setiap tahun. Perjanjian kerjasama (MoU) antara Pusat Penyelidikan dan Pembiakan Kambing Nukleus, di antara JPH dengan Marditech Corporation Sdn Bhd dan Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC) telah ditandatangani.</li> <li>• Pusat penyelidikan baka ternakan seluas 800 hektar akan dibina di Tersat, Kuala Berang.</li> <li>• Ladang integrasi kambing dengan ladang getah seluas 2,000 hektar, milik Risda di Besut dan Hulu Terengganu.</li> <li>• Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) akan memajukan 5,200 keluarga di Gua Musang. melibatkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.</li> <li>• Gunung Musang, Dabong dan Lembangan Sungai Nenggiri diwartakan sebagai Taman Negeri. Lebih 10,000 orang Asli daripada suku Temiar yang miskin tegar akan menikmati kemajuan ECER ini.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembah Pertanian Moden di Bachok dan Pasir Puteh - ladang buah-buahan dan sayur-sayuran seluas 2,000 hektar.</li> <li>• Terminal Makanan Nasional (Teman) di Kota Baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bakal memajukan 4,000 petani.</li> <li>• Ladang ayam di Gua Musang.</li> <li>• Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) akan memajukan 4250 keluarga dengan pertanian komersial.</li> <li>• Projek tebatan banjir dan pencegahan hakisan pantai.</li> </ul>
<b>Pendidikan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Universiti Malaysia Kelantan (UMK).</li> <li>• Taman Ilmu di Besut seluas 283 hektar akan menjadi bandar baru universiti. Bakal didiami kira-kira 10,000 penduduk.</li> </ul>
<b>Prasarana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu dinaiktaraf sebagai lapangan terbang antarabangsa (Penerbangan terus ke Mekah dari Kuala Terengganu)</li> <li>• Empangan akan dibina oleh syarikat tempatan.</li> <li>• Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra turut diperbesarkan.</li> <li>• Jalan pesisir pantai dari Kota Baru ke Mersing akan dilebarkan menyamai lebuh raya.</li> </ul>
<b>Perikanan/ Pelabuhan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelabuhan Kemaman.</li> <li>• Pelabuhan Kuantan akan dinaiktaraf.</li> <li>• Jeti nelayan di Tok Bali, Pasir Puteh.</li> </ul>

Sumber: <http://www.ecerc.com/2008/index.htm>

Sebagai kawasan penempatan kecil dalam Rancangan Struktur Daerah Pekan dan juga Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Tasik Chini dicadangkan sebagai destinasi ekopelancongan dalam bagi menjana ekonomi kawasan sekitar (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang 2005). Menurut Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, Tasik Chini harus dipulihkan dan dijadikan pusat biodiversiti pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Beliau yakin sekiranya Tasik Chini dipulihkan, destinasi ini akan menjadi pusat ekopelancongan di bawah ECER untuk menarik pelancong dari serata dunia untuk menikmati keindahan tasik ini. Walau bagaimanapun dalam keadaan kini, Tasik Chini dikatakan semakin terancam ekoran aktiviti perekonomian yang dilakukan kurang memberikan pertimbangan kepada kesejateraan ekologi. Hasil daripada kajian saintifik Pusat Penyelidikan Tasik Chini, UKM, jelas menunjukkan beberapa indikator tentang kualiti air tasik ini semakin tercemar, tarikan bunga teratai semakin pupus dan kedatangan pelancong ke Tasik ini semakin merosot. Dalam situasi sebegini timbul pertanyaan, kenapa berlaku sedemikian? Apakah di kalangan orang Asli di Tasik Chini, ini menandakan mereka tidak lagi bergantung kepada sumber kekayaan yang ada di tasik ini? Siapakah sebenar yang menjejaskan kualiti Tasik Chini ini dan bagaimana wajarnya Tasik Chini dipulihkan?


### 3. Pencalonan Tasik Sebagai Rizab Biosfera Dan Harapan Orang Asli Tasik Chini

Rizab Biosfera, sebuah program yang dilaksanakan oleh MAB-UNESCO, bukan lagi satu perkara baru dalam arena pembangunan kawasan dan masyarakat terpinggir di kalangan masyarakat antarabangsa. Sehingga tahun semasa 2009, terdapat 531 buah rizab Biosfera di 105 buah negara di seluruh dunia (UNESCO 2009). Rizab Biosfera sebenarnya merupakan satu pendekatan pembangunan yang mengimbangi kesejahteraan ekologi, sosial dan ekonomi (Vernhes 2001). Program ini dilancarkan sejak tahun 1974 dan dikemaskini setelah Persidangan Seville 1995, bertujuan untuk i) mengurangi kehilangan biodiversiti ii) meningkatkan taraf hidup penduduk yang berada dalam lingkungan rizab, iii) memperkasakan kedudukan sosial, ekonomi dan budaya untuk menjamin kelestarian alam sekitar, iv) menyumbang secara langsung matlamat MDG atau Millenium Development Goals, terutama MDG7 iaitu kelestarian alam sekitar (UNESCO 2009). Bagi negara ini, Rizab Biosfera adalah satu pendekatan yang ingin dirintis di Tasik Chini, ekoran kawasan ini mempunyai beberapa keistimewaan dari segi ekologi, komuniti dan komersil, namun, kini berada dalam ancaman hasil daripada tindak balas atau rencana pembangunan yang kurang menepati kehendak dan kesesuaian ekosistem yang ada di kawasan ini.

Rizab Biosfera mengandungi dua perkata asas, iaitu rizab dan biosfera. Kata rizab bererti simpanan sesebuah kawasan yang mempunyai aset dan sumber yang amat penting kepada semua masyarakat di dunia ini. Kata biosfera pula memiliki erti bahagian dari kehidupan dan semua hal yang mewakili kehidupan di planet ini. UNESCO menggunakan istilah ini kerana dapat difahami dan diterjemahkan di banyak negara. Hal ini bukan berarti kawasan biosfera rizab adalah kawasan yang berdampingan dengan manusia dan pembangunan, tetapi aktiviti manusia, kesihatan manusia dan komuniti membentuk bahagian dalam rizab biosfera. Singkatnya, rizab biosfera diterangkan sebagai kawasan khusus di mana manusia di dalamnya mengamalkan penggunaan sumber alam yang lestari sifatnya (Irribaren 2001, Little 200).

Rizab Biosfera mempunyai tiga fungsi utama iaitu pelestarian kepelbagaian biologi, pembangunan mampan dan dukungan untuk logistik (Vernhes 2001). Istilah logistik merujuk aktiviti pendidikan, penyelidikan, pelatihan dan pengawasan sebagai dukungan kepada pembangunan dan pelestarian. Pendidikan, pelatihan, penyelidikan dan pengawasan membangun kemampuan tempatan untuk membuat keputusan dan implementasi. Perencanaan terhadap aktiviti ini membantu komuniti sebagai bahagian daripada rizab biosfera untuk mengidentifikasi keperluan mengikut cara mereka sendiri. Rizab Biosfera iini juga mendapat dukungan dari pelbagai sektor dalam hal kerjasama melestarikan dan membangun rizab biosfera. Untuk jelasnya tentang fungsi rizab biosfera dapat dilihat pada rajah 1.

Sebagai bahagian daripada kawasan perlindungan kepelbagaian biologi, kawasan rizab biosfera memiliki peluang yang sangat besar untuk dikembangkan sebagai ekopelancongan. Ekopelancongan diertikan sebagai kunjungan ke kawasan alami untuk menengok dan menikmati flora dan fauna dengan impak alam sekitar yang rendah atau tidak ada sama sekali (Scheyvens 1999). Ekopelancongan bermatlamat kepada menciptakan pelestarian alam sekitar yang mampan disertai dengan peningkatan pemberdayaan komuniti, khususnya komuniti sekitar. Ekopelancongan adalah pelancongan berbasis alam dengan mengikut aspek pendidikan dan interperitasi alam sekitar alami dan budaya komuniti dengan pengelolaan kelestarian ekologis (Ceballos-Lascurain 1996). Oleh itu, untuk kelestarian dan perkembangan kawasan, perlu penglibatan komuniti yang besar sehingga boleh tercipta kemampuan komuniti tempatan khususnya dalam memberikan sumbangan terhadap pelestarian alam sekitar.



Sumber: [www.unesco.org/mab/doc/faq/brs.pdf](http://www.unesco.org/mab/doc/faq/brs.pdf)

Rajah 1: Tiga fungsi Rizab Biosfera

Mengikut Wright (1994), salah satu faktor penting yang menjadi kunci keberhasilannya adalah peranan dan keterlibatan komuniti, keupayaan menjaga dan mengelola kawasan itu hanya dapat dicapai jika komuniti dan stakeholders lainnya memiliki maklumat, pemahaman, dan visi yang sama dalam mengelola sumberdaya. Pembinaan dan pengembangan komuniti setempat ini dapat berhasil dengan baik, hanya jika stakeholders, utamanya komuniti setempat, terlibat secara aktif. Pembangunan berorientasikan-komuniti sudah merupakan suatu pendekatan yang banyak dipakai dalam program pengelolaan sumberdaya wilayah pelestarian di pelbagai negara, khususnya di negara-negara sedang membangun (.Scheyvens 1999; Sofield 1996).

Bagi Tasik Chini, keupayaan mendapat pengiktirafan sebagai Rizab Biosfera juga bermakna memberikan satu bentuk kehidupan yang lestari kepada semua penduduk setempat terutama suku kaun Jakun. Dengan pendekatan Rizab Biosfera juga, pembangunan di Tasik Chini dapat dilakukan secara terancang, berpedoman kepada kelestarian alam sekitar dan budaya lokal. Dalam konteks ekonomi pula, Orang Asli sewajarnya bertindak sebagai 'pelaku' dalam menjana potensi ekonomi Tasik Chini, bukannya sebagai 'objek' sumber ekonomi. Keunikan masyarakat Orang Asli dikekalkan sebagai identiti budaya yang menjadi tarikan kepada pelancong untuk mengenal lebih jauh tentang keunikan budaya setempat Tasik Chini. Bagi mereka, selama ini Tasik Chini merupakan ibu ekonomi kepada corak kehidupan yang disenangi, akan dapat mereka kekalkan dan mewariskan kepada generasi akan datang. Dengan kata lain, aktiviti harian seperti memburu dan mencari hasil hutan dapat mereka lakukan, namun, tidak meniadakan peluang mereka untuk mengecapi kehidupan yang sempurna dan mendapat kemudahan yang wajar mereka peroleh selaras dengan kualiti hidup masyarakat di negara ini.

#### **4. Orang Asli Tasik Chini**

Seperti yang diakui bahawa pergantungan orang Asli kepada sumber sekitarnya amat erat, kehidupan orang asli Jakun di Tasik Chini tidak terkecuali daripada menyokong perkara ini. Ekonomi orang Jakun di sini rata-ratanya berkait rapat dengan ekonomi pertanian, mengutip hasil hutan dan melakukan kerja menoreh getah serta menjadi nelayan bagi mendapatkan sumber protein dari sumber yang ada di sekitar mereka. Daripada kajian yang dijalankan pada tahun 2007, seramai 80 keluarga orang Asli telah dikaji. Dapatan ini memberikan gambaran kedudukan ekonomi orang asli di sini. Penduduk Orang asli di sekitar Tasik Chini mendiami beberapa kampung seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Mereka rata-rata terdiri daripada penduduk suku Jakun, bekerja sebagai petani dan melakukan kerja sampingan. Ketua isirumah di kalangan orang Jakun ini terdiri daripada golongan berbagai-bagao tahap umur, dengan jumlah isirumah mereka agak besar. Di kalangan orang Asli mereka juga hidup dalam keluarga asas.

Jadual 2: Jumlah Responden Mengikuti Kampung

	Jenis Kampung	
	Bilangan	Peratus
Kg Gumun	45	56.3
Ulu Gumun	15	18.8
Kg Cendahan	5	6.3
Kg Tanjung Puput	5	6.3
Kg Melai	2	2.5
Ulu Melai	8	10.0
Jumlah	80	100.0

Rata-rata pekerjaan penduduk ada berasaskan pertanian dan jumlah pendapatan mereka agak kecil, malah mereka jarang dapat menjelaskan pendapatan sebulan mereka dengan tepat. Mereka juga menyatakan mereka tidak mempunyai pekerjaan yang tetap tetapi melakukan pekerjaan sampingan asalkan mereka memperoleh pendapatan dalam sebulan. Ini mereka mereka juga melakukan aktiviti pertanian, memburu, mencari hasil hutan dan juga menangkap ikan di tasik sekitar. Malahan bagi mereka, aktiviti harian ini tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan sekarang kerana ini adalah sebahagian aktiviti turun terumun. Tambahan pula, aktiviti ini adalah untuk mendapatkan sumber makanan dan keperluan seharian mereka. Namun begitu, aktiviti moden iaitu perladangan kelapa sawit diwujudkan di Kampung Gumun bagi menambah lagi sumber pendapatan mereka.

Perladangan kelapa sawit ini adalah di bawah pengelolaan dan pemantauan pihak RISDA yang membantu penduduk orang Asli bagi menjana ekonomi mereka. Malah pihak RISDA juga memberi bantuan anak pokok kelapa sawit, racun dan baja bagi penanaman kelapa sawit, melalui Koperasi RISDA. Ladang kelapa sawit yang terdapat di Kampung Gumun ini adalah sebanyak 600 ekar di mana setiap peserta memperolehi enam ekar untuk mengusahakannya. Secara tidak langsung penglibatan mereka dalam aktiviti perladangan ini dapat membantu penduduk orang asli untuk memperolehi pendapatan tetap bagi memenuhi keperluan harian mereka, di samping memperkenalkan kemajuan kepada kampung di sekitar Tasik Chini. Secara keseluruhan, penduduk orang asli bergantung kepada alam sekitar iaitu memancing dan mencari hasil hutan.

Dalam kalangan isirumah orang asli, terutama ketua isirumah, mereka jarang mendapat pendidikan formal, namun di kalangan anak-anak mereka, persekolahan anak-anak di sekolah rendah semakin menjadi perhatian penduduk dan ibubapa. Terdapat sebuah sekolah rendah dan ini memudahkan penduduk yang mempunyai anak-anak berusia 7 hingga 12 tahun



menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini. Pendidikan formal ini merupakan peluang kepada generasi muda untuk memperbaiki taraf hidup keluarga mereka. Kajian Mustafa Omar (2006) menunjukkan penduduk di sini agak miskin, hidup dengan kediaman yang agak usang. Kemudahan di kawasan ini juga tidak tersebar di kalangan perkampungan yang ada di kawasan ini. Relatifnya Kg Gumum lebih baik daripada perkampung lain dengan keadaan rumah ada yang diperbuat daripada batu-bata, kemudahan elektrik, ada sekolah, dewan dan jalan raya bertar. Ketersampaian ke Kg Gumum lebih baik ekoran mod pengangkutan bot dapat digunakan di samping jalan darat atau jalan raya. Sementara perkampungan lain, hanya dapat diakses melalui bot.

Seperti kawasan petempatan orang asli lain, hal awal kebajikan dan pembangunan masa depan penduduk diselia oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHOE). Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHOE) ini membantu dari segi pembinaan rumah untuk golongan PPRT yang tidak berkemampuan dan mempunyai bilangan tanggungan yang ramai, selain membantu dari segi menyediakan kemudahan asas untuk penduduk orang asli di Tasik Chini. Selain itu, perkampungan orang Asli di sini mempunyai persatuan bagi menjaga dan melindungi alam sekitar. Berpayung di bawah Persatuan Perlindungan Tasik Chini, persatuan ini diwujudkan bagi memelihara dan memulihara alam sekitar daripada terus mencemar ekologi Tasik Chini.

Seperti yang dikemukakan di awal kertas ini bahawa Tasik Chini kini sedang dalam proses pencalonan sebagai Rizab Biosfera, tentunya inisiatif ini akan membuka dan memberikan lebih banyak peluang kepada mereka bagi mengatasi kemelut kemiskinan, merasai kemudahan asas yang lebih baik dan sekali gus mengalami perubahan hidup yang lebih baik. Apakah harapan ini dapat mereka realisasikan? Pertanyaan ini diungkapkan dalam Bahagian seterusnya, dengan tumpuan tindak balas penduduk Kg Gumum sebagai kes kajian.

## 5. Memperkasa Ekonomi Orang Asli Kg Gumum

Kampung Gumum merupakan perkampungan orang Asli dan menjadi satu tarikan dalam sektor pelancongan di Tasik Chini. Kampung Gumum juga merupakan kampung pusat kepada semua kampung orang Asli yang terdapat di Tasik Chini. Antara kampung lain adalah Tanjung Puput, Kelahan, Kulai dan beberapa kampung lain. Penduduk Kampung Gumum mempunyai jumlah kira-kira 500 orang daripada 40 buah keluarga orang Asli yang tinggal di Tasik Chini ini yang ditempatkan mengikut penempatan kelompok keluarga. Kampung Gumum diketuai oleh seorang Tok Batin yang mengawal dan menjaga setiap kampung orang Asli di Tasik Chini, dan beliau dibantu oleh ahli JKKK yang lain. Kebanyakan orang Asli di Kg Gumum adalah suku kaum Jakun. Agama yang dianuti adalah pelbagai, terdiri daripada animisme, agama Islam dan Kristian.

### 5.1 Aktiviti Ekonomi Kg Gumum

Berdasarkan data di lapangan, aktiviti utama penduduk di Kg Gumum adalah bertani dan melakukan aktiviti berburu, menangkap ikan dan membuat kraftangan. Pendapatan daripada pekerjaan ini menghasilkan pola pendapatan yang sederhana, namun tidak menghasilkan pendapatan bulan secara tetap kepada penduduk. Walau bagaimanapun, apabila ditanya tentang peluang meneruskan ekonomi tradisional pada masa kini dan akan datang, Jadual 3 menunjukkan reaksi mereka.

Jadual 3: Peluang Meneruskan ekonomi masa kini dan akan datang


Jawapan	Peluang meneruskan ekonomi	Peluang meneruskan ekonomi tradisi
---------	----------------------------	------------------------------------

	tradisi skrg(a)		masa depan(a)	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Tambah buruk skrg	4	8.9	9	20.0
Buruk spt dahulu	14	31.1	14	31.1
Baik spt dahulu	25	55.6	16	35.6
Tambah baik skrg	2	4.4	6	13.3

N = 45 orang

Lebih 55% daripada responden menyatakan keadaan ini baik seperti sekarang, dan 5% menyatakan lebih baik daripada sekarang. Sementara pertanyaan tentang peluang meneruskan aktiviti tradisional pada masa akan datang, memperlihatkan peratusannya bertambah, yakni dari 4.4% kepada 13% pada masa akan datang. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan isu mencalonkan Rizab Biosfera sudah mula didengari oleh sebahagian besar penduduk yang mahukan kelangsungan aktiviti tradisi mereka diteruskan.

Sementara itu, pandangan tentang peluang mereka terlibat dalam ekopelancongan juga diperoleh di lapangan. Daripada Rajah 2, didapati peluang ekopelancongan berada di tahap baik seperti dahulu dengan lebih 50% penduduk Gumum menyatakan hal ini. Walau bagaimanapun, peluang untuk menjadi usahawan dalam ekopelancongan masa akan datang, berada di tahap tambah baik seperti sekarang. Ini kerana konsep ekopelancongan sudah semakin popular di kalangan orang Asli. Mereka percaya 'tempat' dan 'aktiviti' mereka menjadi pilihan pelancong asing daripada Cherating untuk terus mengunjungi tasik semulajadi ini. Menurut Pak Bahrin, kedatangan pelancong agak bermusim, kebanyakan datang daripada Cherating dan ada yang terus daripada Kuala Lumpur. Imej Tasik Chini di kalangan 'specialised tourist' tidak merosot, namun kedatangan mereka hanya berupa *day trippers* sama ada dari Cherating atau Kuantan.



Rajah 2: Pandangan Penduduk Tentang Ekonomi Pelancongan

### 5.2 Peluang Pekerjaan Sekarang dan Akan Datang

Peluang memperoleh pekerjaan sekarang dan akan datang juga mendapat respon daripada responden. Jadual 4 menunjukkan maklumat abals mereka. Daripada jadual ini didapati, lebih daripada 50% responden berpandangan bahawa peluang pekerjaan pada masa sekarang dan akan datang baik seperti dahulu dan akan tambah baik daripada sekarang. Ini kerana mereka dapati perhatian kepada masyarakat Orang Asli semakin tinggi, apatah lagi mereka juga mendaapat maklumat bahawa peluang pekerjaan daripada pembangunan kawasan ini daripada negeri Pahang dan institusi pengajian tinggi khususnyaUKM. Rancangan pembangunan baru ini dapat meyakinkan peluang ini akan mereka kecapai kelak.Selain itu, peranan ketua kampung dalam menghebahkan amlumat pembangunan juga menyebabkan mereka positif dengan peluang penjaanaan pekerjaan sekarang.

Jadual 4: Pandangan Orang Gumum tentang Pekerjaan Masa sekarang dan akan datang

Jawapan	Pekerja mahir/terlatih skrg		pekerja mahir/terlatih masa depan(a)	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Tambah buruk skrg	4	8.9	5	11.1
Buruk spt dahulu	13	28.9	11	24.4
<b>Baik spt dahulu</b>	<b>22</b>	<b>48.9</b>	<b>21</b>	<b>46.7</b>
<b>Tambah baik skrg</b>	<b>6</b>	<b>13.3</b>	<b>8</b>	<b>17.8</b>

N = 45 orang

Selain itu, tarikan lainnya yang boleh menjana ekonomi isi rumah masyarakat Orang Asli adalah kemahiran bagi dalam menghasilkan produk yang boleh dijual kepada para pelancong. Hal ini dapat dipaparkan dalam Jadual 5. Daripada pola jawapan, didapati lebih sepertiga daripada responden menyatakan ukiran sebagai kelebihan kemahiran utama yang mereka miliki. Sementara 25.6% menyatakan kelebihan mereka adalah dalam kraftangan, termasuk anyaman tikar. Penghasilan ukiran seperti sumpit dan lain-lain ukiran merupakan kemahiran yang mereka miliki. Begitu juga dengan kraftangan, kebanyakan orang asli menyara kehidupan mereka dengan membuat kraftangan. Antara kraftangan yang dihasilkan ialah bakul dan bakul, yang dihiasi manik supaya kelihatan lebih menarik. Untuk jualan.

Jadual 5: Kemahiran Isirumah Orang Asli Tasik Chini

Jawapan	Bilangan	Peratus
Tenunan kain	5	12.8
Ukiran	13	33.3
Kraftangan	<b>10</b>	<b>25.6</b>
Anyaman tikar	7	17.9
Tarian tradisional	1	2.6
Lagu tradisional	3	7.7
Jumlah	39	100.0

Sumber: Kajian Lapangan, Program Kesedaran Awam Kedua, Ogos 2008.

Walau bagaimanapun kesenian tarian dan lagu tradisional agak rendah iaitu kira-kira 10%. Aktiviti kebudayaan mereka seperti tarian sewang tidak dianggap sebagai aset yang boleh mereka jual dalam konteks pelancongan kerana kedatangan pelancong agak bermusim dan hanya tertumpu ke kawasan tarikan tertentu sahaja. Kemungkinan besar juga menunjukkan menari di hadapan orang luar menimbulkan rasa malu dan rendah diri ekoran aktiviti ini hanya dilakukan ketika waktu ada keraian sahaja.

### 5.3 Ancaman Kemusnahan Sumber Sekarang dan Akan datang di Kg Gumum

Seperti yang dilaporkan bahawa Tasik diancam kepupusan aset semulajadi termasuk sumber sermulajadi terutama tumbuhan dan binatang serta sumber makanan, pemikiran ini juga mempengaruhi penduduk kg GUmum. Bagi mereka, di Tasik Chini ini berlaku kerosakan sumber pada masa sekarang dan akan terus berlaku pada masa akan datang. Kepupusan pada sekarang dan akan datang dikatakan berada dalam situasi yang membimbangkan. Daripada keseluruhan responden, sebanyak 57.8 peratus menyatakan kemusnahan pada sekarang bertambah buruk dan begitu juga kedudukan pada masa akan datang (Jadual 6). Seramai 95.6 peratus responden menyatakan bertambah buruk pada masa akan datang. Hal ini seharusnya tidak menjadi satu pemikiran penduduk, yakni tasik Chini dan sumbernya tidak lagi menjadi ibu ekonomi penduduk sekitar.

Jadual 6: Pandangan penduduk tentang kemusnahan sumber sekarang dan akan datang di Kg Gumum

aspek	Jawapan	Bilangan	Peratus
Kepupusan/kemusnahan sumber skrg(a)	Tambah buruk skrg	26	57.8
	Buruk spt dahulu	13	28.9
	Baik spt dahulu	5	11.1
	Tambah baik skrg	1	2.2
Kepupusan/kemusnahan sumber masa depan(a)	Tambah buruk lagi	43	95.6
	Tambah baik lagi	2	4.4

N = 45 orang

Daripada respons yang diperoleh daripada program kesedaran awam pertama pula, penduduk Tasik Chini juga menyuarakan akan kepupusan sumber hutan dan sumber ikan. Malahan, akibat air tasik yang agak tercemar, lubuk ikan juga semakin berkurangan. Sementara itu kutipan hasil hutan seperti petai dan jering juga ketara berkurangan.

#### 5.4 Respons Tok Batin dan JKKK Sebagai Governans Ekonomi Tasik Chini

Dalam konteks kesatuan orang asli, Tok Batin adalah sumber yang dirujuk dalam pelbagai hal kebajikan dan masa depan anak buah mereka. Bantuan dan pandangan daripada Tok Batin dalam banyak hal akan memberikan laluan yang lebih mudah kepada mereka memperoleh bantuan daripada pihak berwajib. Berdasarkan temubual di lapangan, meskipun Tok Batin menyuarakan tekanan dan masalah kepada pihak atasan, beliau tidak dapat mengatasi beberapa masalah berkaitan dengan ekonomi mereka secara keseluruhannya. Dalam kes bantuan meneruskan taman semula kelapa sawit setelah tanaman getah ditebang, belum dikendalikan dengan baik.

Akibatnya mereka yang menjalankan perladangan ini dikatakan mengalami kesukaran mengutip hasil buah sawit kerana sistem tanah tidak bersesuaian dengan sistem jalan yang ada. Jalanraya yang ada di bawah daripada aras ladang sawit menyukarkan pengeluaran buah yang efisien. Dari segi baja juga mereka tidak mendapat tunjuk ajar membaja yang menyeluruh, lebih-lebih lagi bagaimana mengurus pembajaan yang tidak mendatangkan mencemarkan. Bagi mereka, lokasi dan struktur ladang yang tinggi di kawasan cerun bukit telah menyebabkan air larian membawa baja ke kawasan yang lebih rendah dan memasuki tasik di kawasan sekitar.

### 6. Saranan Untuk Memperkasakan Ekonomi Orang Asli Tasik Chini

Daripada perbincangan di atas, adaah jelas usaha untuk mencari jalan untuk meningkatkan ekonomi Orang asli Tasik Chini perlu dipertingkatkan. Beberapa masalah yang diuraikan berkaitarpada dengan sistem ekonomi penduduk yang tidak stabil secara makro tetapi sebaliknya jika diteliti secara mikro ataupun daripada kacamata penduduk. Bagi mereka peluang untuk mencari hasil hutan sudah menjadi sebahagian daripada rutin ekonomi mereka.

Inisiatif membangun Tasik Chini dan kawasan sekitar sebagai Rizab Biosfera tentunya membawa harapan yang baik daripada situasi ini. Namun, peluang ekonomi di kalangan penduduk yang mempunyai aset sumber tenaga, modal dan aset budaya perlu dikesan, dimaksimumkan dan kemudiannya dihebahkan kepada komuniti. Langkah ini akan membolehkan saranan program ekonomi pada masa akan datang dapat dipadankan dengan aset sumber manusia dan budaya yang ada pada masyarakat. Keupayaan dan kecenderungan golongan yang ada juga dapat disesuaikan dengan peluang-peluang baru yang bakal diperkenalkan seiring dengan langkah menghidupkan semula Tasik Chini sebagai tarikan ekopelancongan dan pusat penyelidikan.

Berdasarkan tembual pengkaji dengan Tok Batin ketika program kesedaran awam pertama dilakukan, beliau mengakui langkah memastikan anak buahnya mempunyai sijil lahir adalah langkah pertama untuk membolehkan peluang ekonomi lain dinikmati. Walau bagaimanapun, usaha mendaftarkan penduduk belum selesai dilakukan. Menurut beliau, langkah ini membolehkan anak-anak bersekolah dan seterusnya peluang-peluang lain akan menyusul. Ini kerana tanpa sijil kelahiran yang sah entiti sebagai Orang Asli di kawasan ini akan terjejas. Dalam konteks ini, membina jati diri sebagai anak orang asli adalah asas kepada aktiviti dan kehidupan mereka di Tasik Chini.

Sementara itu, langkah pihak kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan prasarana bagi menggalakkan ekopelancongan belum dirasai oleh masyarakat setempat. Hal ini perlu disegerakan kerana kelunturan kebergantungan kepada sumber setempat khususnya Tasik Chini akan turut melunturkan *sense of belonging* komuniti kepada kawasan ini. Penganjuran penerangan yang lebih mendalam isu yang menggugat kehidupan mereka juga boleh dilakukan di peringkat sekolah dan persatuan belia. Penganjuran aktiviti berorientasikan keunikan tasik Chini dan peluang ekonomi setempat wajar didedahkan kepada generasi baru terutama golongan belia dan pelajar kerana merekalah yang bakal meneruskan perjuangan meningkatkan mertabat orang Jakun di negara ini.

## 7. Kesimpulan

Kertas ini hanya merupakan sebahagian daripada dapatan kajian yang pengkaji lakukan di bawah projek penyelidikan pada tahun 2007 dan ini diteruskan dalam program kesedaran awam pertama dan kedua pada tahun 2008. Perbincangan tentang ekonomi Tasik Chini dan Kg Gimum khususnya, sesungguhnya menjadi senario yang diharapkan dapat menjadi pedoman tentang aktiviti yang akan dilaksanakan di peringkat tempatan. Pandangan penduduk pada masa sekarang dan akan datang wajar didengar, kerana apa yang mereka suarakan adalah dimensi kekuatan dalaman dan keresahan yang ada dalam lingkungan sosio-ekonomi penduduk yang terus mendokong kewujudan tasik Chini. Langkah untuk meningkatkan sumber ekonomi Tasik Chini juga wajar dilakukan dengan mengenalpasti aktiviti harian yang sudah menyumbang kepada kelestarian kawasan ini dan yang tidak mampan bagi kehidupan serta lingkungan mereka. Apresiasi aktiviti yang lestari tentunya ada, kerana kebergantungan mereka sumber semulajadi sekian lama adalah aset budaya yang boleh digembelngkan untuk memajukan ekonomi Tasik Chini.

### *Penghargaan*

*Penulis mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai dana penyelidikan ini. Kod Projek penyelidikan ini: UKM-OUP-PLW-12-57 dan penyelidikan UKM-GUP-ASPL-07-4-017.*

**Rujukan**

- Cebbalos – Lascurain, H. 1996. *Tourism, Ecotourism, and Protected Areas*, IUCN (World Conservation Union), Switzerland : Gland.
- Iribarran, Ignacio Ballarin. 2001. *The History of Biosphere Reserve Concept*, Russian Conservation News.
- Little, P. D. 1994. *The Link Between Local Participation and Improved Conservation : a review of Issues and Experiences*, USA : Island Press.
- MAB Biosphere Reserve Buletin, No. 13, 2004, UNESCO.
- Rancangan Struktur Daerah Pekan. 2005. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang, Malaysia.
- Scheyvens, R. 1999. *Ecotourism and The Empowerment of Local Communities*, New Zealand : School Of Global Studies, Massey University.
- Sofield, H. B. & Birtles, R.A. 1996. *Indigenous Peoples' Cultural Opportunity Spectrum from Tourism*, London : International Thomson Business Press.
- UNESCO. 2009. Unesco's Man and the Biosphere Programme (MAB) [http:// portal/unesco. org](http://portal/unesco.org) (28.4.2009)
- Vernhes, Jane Robertson. 2001. *The Anatomy of a Biosphere Reserve, An Introduction to Biosphere Reserve*, Russian Conservation News.
- Wanhill, S. & Copper., C.P. 1997. *Tourism Development : Environmental and Community Issues*, USA : John Wiley & Sons Ltd.
- <http://www.unesco.org/mab/>  
[www.ecerdc.com/ecerdc/about.htm](http://www.ecerdc.com/ecerdc/about.htm)